

25/08/2000

Industri muzik hancur menjelang 2003

Hardi Effendi Yaacob

INDUSTRI muzik negara semakin tenat malah akan mengalami zaman kehancurannya tiga tahun lagi jika cetak rompak terhadap karya muzik tempatan tidak dibendung segera.

Fenomena yang digelar Doomsday 2003 dijangka berlaku disebabkan gejala negatif itu, malah tandanya mula kelihatan sekarang.

Analisis Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM) mendapati antara kesan buruk yang berlaku itu ialah kemerosotan prestasi jualan kaset dan cakera padat (CD) tulen, penutupan banyak studio rakaman dan syarikat rakaman, penamatan kontrak artis serta pemberhentian pekerja yang terbabit dalam industri berkenaan.

Pengarah Kewangan RIM, Lam Tuck Seng, menjelaskan karyawan seni dan artis tempatan kini hilang pendapatan dan berharap kerajaan mengambil tindakan drastik bagi menyelamatkan industri muzik daripada cengkaman lanun cetak rompak.

"Jika diteliti, jualan album tempatan pada 1996 ialah RM80 juta, namun data yang diperolehi sepanjang enam bulan pertama tahun ini, hanya RM20 juta, menunjukkan kemerosotan RM60 juta atau 75 peratus. Daripada 200 artis rakaman pada 1996, jumlah itu menjunam 45 peratus pada 1999.

"Kesannya, kontrak ramai artis tidak disambung selain kakitangan syarikat rakaman terpaksa diberhentikan sebagai langkah penjimatan kos pentadbiran serta pengurusan.

"Berdasarkan situasi inilah kita meramalkan jika langkah pengawalan tidak dilakukan dengan segera, Doomsday akan berlaku pada 2003," katanya pada pertemuan khas RIM dengan pengarah hiburan serta pegawai pengurusan Kumpulan The New Straits Times Press di Balai Berita, di Kuala Lumpur, Selasa lalu.

Sehubungan itu katanya, RIM akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna untuk menganjurkan kempen besar-besaran berslogankan 'Selamatkan Industri Muzik Tanah Air', bulan depan.

Menurutnya, selain program kesedaran terhadap cetak rompak, kempen itu mengajak masyarakat berinteraksi secara terus dalam membanteras cetak rompak menerusi talian khas serta sesi dialog.

"Masyarakat boleh menyalurkan maklumat terperinci yang dapat membantu pihak berkuasa menangani cetak rompak. Mereka boleh menggunakan hotline dan laman web yang akan diwujudkan bagi memberi maklum balas terhadap kegiatan itu," katanya.

Lam berkata, RIM masih menunggu pengesahan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwah Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, untuk melancarkan kempen itu.

"Malah kami terharu apabila Muhyiddin mencadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melancarkan kempen itu," katanya.

Turut hadir pada pertemuan bermakna itu ialah Pengurus Perhubungan Awam Dan Media RIM, Nanee Surya; Pengarah Urusan Suria Records (SRC), Tan Su Loke; Pengarah Promosi/Penerbit Eksekutif Masa Entertainment And Productions, Mas Omar; Pengarah Urusan Anugerah Cemerlang, N D Lala; Pengurus Artis, Pemasaran Dan Promosi NAR Records, Mokhtaza Ahmad dan Pengurus A & R New Southern Records (NSR), Iman Wan.

Lam berkata, kempen itu juga bertujuan mendidik dan menyedarkan masyarakat kaset dan CD tiruan tergolong sebagai barang curi.

"Memiliki barang curi adalah salah di sisi undang-undang. Namun masyarakat kurang peka terhadap perkara ini, malah mereka terus memberi sokongan kepada lanun dengan membeli CD cetak rompak.

"Faktor harga bukan masalahnya kerana kalau harga album tulen diturunkan pun, lanun cetak rompak turut menurunkan harga mereka. Lanun sedar pembeli mempunyai pilihan dan mereka akan membeli album tiruan.

"Sebab itulah kita merayu kerajaan menggubal undang-undang yang turut mengenakan tindakan sewajarnya terhadap pembeli dan pemilik album tiruan.

"Kenapa kalau kita memiliki kereta curi, kita boleh dihukum tetapi tiada tindakan diambil ke atas pemilik album cetak rompak?" katanya.

Untuk keterangan lanjut mengenai Kempen Selamatkan Industri Muzik Tanah Air, orang ramai boleh menghubungi RIM menerusi talian 03-4044 6241 dan 03-4044 0188 (faksimili) atau datang sendiri ke Tingkat 2, No: 2 Jalan Pangkor, Off Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

(END)